

BERITA HARIAN

Syarat Dr Mahathir mustahil dipenuhi: Musa

Bekas TPM anggap tindakan seperti duri sudah keluar dari daging

Oleh Norfatimah Ahmad
dan Nazura Ngah

KUALA LUMPUR: Bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Musa Hitam menyifatkan keputusan Tun Dr Mahathir Mohamad mengumumkan keluar Umno selepas 22 tahun menerajui parti itu umpama 'duri yang sudah keluar dari daging'.

Musa berkata, walaupun sedih dan dukacita mendengar berita itu, terutama ketika Umno menghadapi keadaan yang sangat mencabar, beliau berharap ahli Umno menerima keputusan Dr Mahathir dengan hati terbuka dan tenang kerana yakin ada hikmah di sebaliknya.

"Duri dalam daging sudah pun terkeluar dan mulai sekarang pucuk pimpinan harus menumpukan usaha mereka kepada, pertama menerima hakikat bahawa Umno sekarang bukan lagi sekuat atau diterima sepenuhnya oleh rakyat terutama Melayu dankedua, konsep 'Mahathirisme' sudah berlalu dan Umno harus balik kepada konsep 'Bersih, Cekap, Amanah' yang pada awal 80-an dulu diterima dengan begitu positif," katanya dalam kenyataan dari luar negara, semalam.

Musa juga mengingatkan ahli Um-

no yang tersesat jalan supaya menggunakan keadaan mengejutkan itu untuk bertafakur dan kembali ke pangkal jalan bagi kebaikan bersama.

"Sambarlah peluang keemasan ini... bertafakurlah dan berhati-hatilah dengan tenang serta... balikklah ke pangkal jalan.

"Ingatlah, yang lebih penting ialah Umno," katanya.

Sementara itu, veteran Umno yang juga bekas Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid, berkata beliau sudah lama keluar daripada Umno ke-

rana mempunyai pandangan hampir sama dengan Dr Mahathir.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas lanjut berhubung tindakannya itu.

Seorang lagi veteran Umno, Tan Sri Abdul Aziz Tapa, berkata tindakan Dr Mahathir keluar Umno ibarat berulangnya sejarah Datuk Onn Jaafar keluar Umno sebelum menubuhkan Parti Negara.

"Tidak mustahil tindakan Dr Mahathir itu akan diikuti beberapa pemimpin Umno lain seperti yang berlaku pada zaman Onn.

"Keadaan itu akan menyebabkan ahli parti berterabur ibarat ayam disambar helang. Orang Umno perlu mencari jalan untuk bersatu semula termasuk memperbetulkan pemimpin yang bercakaran sesama mereka.

"Walaupun Dr Mahathir ada hak untuk keluar parti, bagi orang Melayu, tindakan itu tidak elok dan tidak sesuai pada masa sekarang, saya bimbang rosak tapai kerana ragi, rosak bawang ditimpa jambaknya.

"Kebimbangan saya juga boleh diibaratkan seperti pantun Melayu Anak Raja memikul kayu, mari dibuat batang titian, malang nasib anak Melayu, pemimpin banyak berdengi-dengkian," katanya.

Beliau berkata, syarat dikenakan Dr Mahathir bahawa beliau hanya akan menyertai semula Umno jika Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meletak jawatan adalah syarat yang mustahil untuk dipenuhi kerana Abdullah menang pada pilihan raya umum lalu dan kerajaan sudah ditubuhkan.

"Pertelingkahan antara Dr Mahathir dan Abdullah boleh diperbetulkan jika Raja-Raja Melayu memainkan peranan seperti zaman penubuhan Malayan Union yang menyatukan pemimpin Melayu," katanya.



*"Syarat Dr Mahathir
mustahil untuk
dipenuhi kerana
Abdullah menang
pada pilihan
raya umum lalu
dan kerajaan
sudah ditubuhkan"*

Musa Hitam
Bekas Timbalan Perdana Menteri